

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU  
MANSUR [ SILAM ]**

**TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)**

**SOALAN : 26**

**YB Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [ Silam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini perbelanjaan aset dan peralatan seperti radar, sistem *Sea Basing* yang telah diperuntukkan dalam belanjawan Bajet 2015 kepada ESSCOM sebanyak RM660 Juta.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Status perolehan aset-aset dan peralatan adalah seperti berikut;

1. Pemasangan lima (5) buah radar di pulau-pulau di sekitar Telukan Lahad Datu dan Semporna bagi meningkatkan *situational awareness* di laluan berisiko tinggi dijangka siap sepenuhnya selewat-lewatnya pada akhir bulan Oktober 2016;
2. *Seabasing* iaitu sebuah pelantar minyak lucut tauliah telah diubahsuai sebagai sebuah pangkalan laut dan telah beroperasi sepenuhnya di perairan Beting Bodgaya, Telukan Lahad Datu mulai 31 Julai 2015. Pangkalan laut ini dinamakan Pangkalan Laut *Tun Sharifah Rodziah (PL TSR)*;
3. Sebuah kapal dagang yang diubahsuai telah dijadikan sebagai *mobile seabasing* yang dinamakan sebagai ***Kapal Auxiliary Tun Azizan*** telah mula beroperasi pada 1 Mei 2015; dan
4. Dua (2) buah kapal berukuran 27 meter turut diubahsuai sebagai *mothership* dengan peranan yang hampir sama dengan KL Tun Syarifah Rodziah dan KA Tun Azizan tetapi dengan kapasiti yang lebih kecil digunakan oleh pihak PDRM.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23 MEI 2016  
[ ISNIN ]

DARIPADA : Y.B. DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM  
[ JULAU ]

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM [ JULAU ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk membekalkan sistem pemadam api dan mengajar penduduk di pedalaman cara mencegah kebakaran kediaman mereka.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian menerusi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sedang menumpukan fokus kepada program pengagihan alat pemadam api mudah alih di rumah panjang sebagai medium pemadaman di peringkat awal yang dilihat mampu membendung kemerebakan kebakaran di peringkat awal.

Menyedari pentingnya penduduk didedahkan dengan pengetahuan awal mencegah kebakaran dan menghadapi bencana, JBPM akan terus melaksanakan inisiatif turun padang mendekati masyarakat, untuk berkongsi pengetahuan tentang taktik-taktik menyelamatkan serta langkah-langkah yang perlu diambil apabila berdepan dengan bencana serta latihan menangani situasi cemas.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 23 MEI 2016  
[ ISNIN ]  
DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG  
[ RASAH ]

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) jumlah rumah kos rendah dan sederhana yang telah dan akan dibina sejak tahun 2008 - 2016 berdasarkan negeri; dan
- (b) bagaimanakah Kerajaan membantu rakyat untuk mendapat pinjaman dengan lebih mudah untuk memiliki rumah.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik pembinaan rumah yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dari tahun 2008 sehingga Mac 2016 adalah seperti berikut:

NEGERI	KOS RENDAH	KOS SEDERHANA RENDAH	KOS SEDERHANA
JUMLAH	33,325	14,578	48,704

- (b) Kerajaan amat prihatin dengan isu pemilikan rumah oleh rakyat dan telah memperkenalkan pelbagai kemudahan pembiayaan perumahan yang boleh membantu rakyat dalam usaha untuk memiliki rumah sendiri. Antara kemudahan-kemudahan pembiayaan yang disediakan pada masa ini ialah:-

- (i) **Skim Rumah Pertamaku** yang merupakan pembiayaan 100% daripada institusi-institusi kewangan bagi membolehkan pemilikan rumah tanpa perlu membayar wang pendahuluan;

**(ii) Pinjaman Perumahan** untuk penjawat awam melalui Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) dengan kadar faedah yang tetap sebanyak 4%;

**(iii) Skim Perumahan Belia** yang merupakan inisiatif perkongsian pintar di antara Bank Simpanan Nasional (BSN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Cagamas Berhad di mana:-

- Peminjam diberikan bantuan ansuran bulanan sebanyak RM200.00 sebulan pada 2 tahun pertama;
- Peminjam akan mendapat pengecualian 50% duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman;
- Kerajaan menyediakan jaminan pinjaman sebanyak 10% bagi membolehkan peminjam mendapatkan pembiayaan penuh termasuk kos insurans; dan
- Peminjam boleh mengeluarkan wang daripada Akaun 2 KWSP mereka untuk menampung pembayaran ansuran bulanan dan kos lain yang berkaitan.

- (iv) Pembiayaan rumah Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)** iaitu pinjaman sehingga 110% dari harga Perjanjian Jual Beli (SPA) dan tiada bayaran pendahuluan diperlukan jika pembeli berjaya mendapatkan pinjaman maksimum;
- (v) Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome)** yang merupakan pembayaran insentif sebanyak RM30,000 diberikan kepada pembeli rumah mampu milik yang pertama;
- (vi) Skim MyDeposit** iaitu pemberian sumbangan sebanyak 10% daripada harga jualan atau maksima RM30,000 (yang mana lebih rendah) kepada pembeli rumah pertama yang berharga RM500,000 ke bawah; dan
- (vii) Skim Pinjaman Perumahan (SPP)** yang mana melaluinya rakyat yang ingin memiliki rumah akan dibantu dengan pinjaman perumahan maksima RM45,000 bagi pembinaan rumah di atas tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga terdekat. Skim ini menyasarkan golongan berpendapatan isi rumah di antara RM700 hingga RM2,500 sebulan.

Selain daripada itu, melalui Penyataan Dasar Perumahan Negara (DRN), Teras 4 telah menggariskan pelan tindakan untuk mempertingkatkan kemudahan pembiayaan pembelian rumah bagi golongan berpendapatan rendah. Oleh itu, beberapa pelan tindakan telah digarap bagi memastikan teras ini tercapai antaranya ialah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) di bawah Kementerian Kewangan bagi menjamin golongan berpendapatan rendah untuk mendapatkan pembiayaan bagi memiliki rumah kediaman.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016